



Pastikan Benar
Bernama.com

Malay | English | Mandarin | Arabic | Español



Keberanian
Tahap IKHLAS untuk
Ganjaran Baru
Mikrobal rabot sehingga 25% untuk Produk
Istilah IKHLAS terpilih melalui langganan atas talian

AM+ EKONOMI+ POLITIK+ SUKAN+ RENCAMA+ DUNIA+ LAMAN MIKRO+ E-NEWSLETTER WEBTV INFOGRAFIK ARKIB

BERITA AM

▶ Iklan

Tekun Nasional raikan anak yatim dan warga kerja sempena Ramadan

Tarikh kemaskini: 04/06/2018



KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) – Seramai 25 anak yatim dan asnaf Rumah Bakti Nur Ain Bangi menerima sumbangan duit raya daripada Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun Nasional) bagi persiapan Aidilfitri yang bakal menjelang tiba, pada majlis terbuka puasa bersama warga kerja agensi itu.

Pada majlis berkenaan, Tekun Nasional turut memberi sumbangan wang zakat bernilai RM3,000 bertujuan meringankan beban selain menjaga keajakan penghuni rumah berkenaan.

Majlis tahunan yang dianjurkan kali keempat itu turut diselangi dengan aktiviti membaca Yasin yang melibatkan 350 warga kerja ibu pejabat agensi itu.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Operasi Tekun Nasional Datuk Baharom Embi dan Pengerusi PUSPANITA Tekun Nasional Datin Hanika Hashim.

Selain itu, seramai 11 kakitangan Tekun Nasional terdiri daripada ibu tunggal dan golongan kurang bernasib baik turut menerima sumbangan hari raya.



Ruang dan pejabat untuk disewa, dijual serta sebarang maklumat selanjutnya

Klik di sini untuk maklumat selanjutnya